

# Pelabur asing kembali ke pasaran tempatan

Utusan Malaysia (8/6/2008)  
page 35

**PETALING JAYA:** Pelabur asing kembali membeli ekuiti dalam pasaran tempatan minggu lalu yang mencatat aliran masuk sebanyak RM477.5 juta, daripada aliran keluar bersih RM82.97 juta.

Dalam laporan aliran dana mingguan, MIDF Research berkata, kali terakhir pelabur asing adalah pembeli bersih tunggal adalah pada minggu berakhir 20 Mei.

“Belian bersih daripada pelabur asing masuk pada Isnin hingga Rabu minggu lalu, dengan yang tertinggi pada Selasa berjumlah RM320.8 juta, manakala terendah pada Rabu dengan RM111.2 juta.

“Dari segi jualan bersih oleh pelabur asing, ia masing-masing berjumlah RM67.3 juta dan RM9.3 juta pada Khamis dan Jumaat lepas,” katanya.

Sementara itu, MIDF berkata, peruncit tempatan menjadi penjual bersih sekali lagi selepas menjadi pembeli bersih minggu sebelumnya.

Ia berkata aliran keluar bersih daripada mereka minggu lepas berjumlah RM121.4 juta.

“Institusi tempatan kekal sebagai penjual bersih untuk minggu keempat berturut-turut dengan RM356.1 juta.

“Sehingga kini, dana antarabangsa telah menjadi pembeli bersih selama 17 daripada 22 minggu tahun ini, dengan jumlah aliran masuk bersih RM7.4 bilion,” katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, institusi tempatan adalah penjual bersih hanya untuk tiga hari pertama kepada sejumlah RM426.1 juta.